jENDELA iNFO
EDISI 5/2026 | JABATAN PENERANGAN MALAYSIA, SARAWAK

HANTAVIRUS: ANCAMAN TERSEMBUNYI DARIPADA TIKUS



APA ITU HANTAVIRUS?

Sejenis virus zoonotik yang lazimnya disebarkan melalui pendedahan kepada air kencing, najis atau air liur tikus yang dijangkiti, terutamanya melalui partikel tercemar di udara.

Kebanyakan jangkitan berlaku secara sporadik (rawak) dan berkait dengan persekitaran yang mempunyai infestasi (pembiakan) tikus.

TEMPOH INKUBASI

1 hingga 8 minggu selepas terdedah

ADAKAH VAKSIN TERSEDIA?

Tiada vaksin khusus yang diluluskan secara meluas buat masa ini.

Nota:
Penularan daripada manusia kepada manusia adalah amat jarang berlaku dan hanya dikaitkan dengan strain tertentu seperti Andes virus di Amerika Selatan.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menegaskan bahawa sehingga kini, TIADA kes Hantavirus dilaporkan di Malaysia.

Sumber : Kenyataan Media, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertarikh 8 mei 2026

GOLONGAN BERISIKO

- Pekerja gudang
- Petani
- Pembersih bangunan
- Pengendali stor lama
- Individu yang tinggal di kawasan infestasi (pembiakan) tikus



NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menasihatkan orang ramai agar sentiasa mengamalkan langkah pencegahan berikut:

- Mengelakkan kontak langsung dengan tikus, najis atau air kencing tikus.
- Menggunakan sarung tangan dan pelitup muka semasa membersihkan kawasan yang tercemar dengan najis tikus.
- Tidak menyapu atau memvakum najis tikus secara terus kerana boleh menyebabkan partikel tercemar tersebar ke udara.
- Mendapatkan rawatan segera sekiranya mengalami gejala seperti demam, sakit otot, batuk atau sesak nafas selepas terdedah kepada persekitaran berisiko.

LINDUNGI RUMAH DAN TEMPAT KERJA DENGAN MENGAWAL KEHADIRAN TIKUS

- Tutup lubang dan saluran masuk tikus
- Simpan makanan dalam bekas bertutup rapat
- Buang sampah dengan sempurna
- Pastikan kawasan rumah sentiasa bersih

CEGAH SEBELUM TERLAMBAT

- Kebersihan persekitaran dan langkah pencegahan awal mampu mengurangkan risiko jangkitan penyakit bawaan tikus termasuklah Hantavirus.
- Lindungi diri, keluarga dan komuniti dengan mengamalkan kebersihan serta pengurusan persekitaran yang selamat.
- Hantavirus boleh membawa maut jika tidak dirawat segera.

SUMBER RUJUKAN : World Health Organization (WHO), Centers for Disease Control and Prevention (CDC) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)